

7 MAR 1996

Muhammad-Internet

SELANGOR LANCAR HALAMAN TEMPATAN INTERNET

SHAH ALAM, 7 Mac (Bernama) -- Selangor hari ini melancarkan halaman tempatannya dalam lebuhraya maklumat Internet yang memaparkan maklumat mengenai pelaburan, pelancongan, perkhidmatan, infrastruktur, acara rasmi dan para pemimpin serta pegawai tinggi Kerajaan Negeri.

Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib melancarkan Selangor Homepage itu yang dikendalikan di "webserver" yang terletak di Pusat Komputer Negeri Selangor di tingkat dua Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri di sini.

"Selangor dan Malaysia amnya, berada dalam kancah maklumat, khasnya maklumat dalam era kebangkitan rantau Asia sebagai fokus ekonomi, perdagangan dan perniagaan dunia...Selangor Homepage ini bertujuan untuk menjual Selangor di arena tempatan dan antarabangsa," katanya pada majlis pelancaran itu.

Beliau berkata pembangunan jaringan maklumat itu akan dibuat dalam dua peringkat, pelancaran Selangor Homepage dan disusuli halaman tempatan yang dikendalikan sendiri oleh setiap agensi kerajaan yang bersambung ke Selangor Homepage untuk memastikan maklumat yang terkini dan lengkap.

Katanya, Majlis Perbandaran Petaling Jaya akan memulainya dengan pelancaran halaman tempatannya sendiri pada 21 Mac ini.

Muhammad berkata syarikat swasta dan badan bukaan kerajaan yang beroperasi di Selangor juga digalakkan mengadakan halaman tempatan masing-masing dan disambungkan ke Selangor Homepage yang diwujudkan dengan kos RM150,000.

"Perkhidmatan ini juga mempunyai kemudahan E-mail yang membolehkan pengguna berurusan dengan Kerajaan Negeri," katanya sambil menyambut baik aduan, cadangan dan penyampaian maklumat melalui cara itu.

Pada majlis itu, yang diadakan sempena sambutan Minggu Iltizam Wawasan 2020 bagi menandakan genap lima tahun (pada 28 Febr) Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengilhamkan Wawasan 2020, Menteri Besar juga melancarkan "Selangor Networking" (Selnet) dan Buku Perangkaan Negeri Selangor 1995.

Katanya, Selnet yang menelan belanja RM500,000 terbahagi kepada dua, "Internet Service Provider" untuk hubungan secara global melalui Internet dan bagi jaringan perhubungan dalaman antara agensi-agensi Kerajaan Negeri dengan 32 talian dial-up.

Berikutan perkembangan itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM200,000 untuk membekalkan semua anggota Exco Kerajaan Negeri dan 15 ketua jabatan negeri dengan komputer "notebook" yang mempunyai kemudahan Internet akhir bulan ini.

Muhammad berkata kemajuan bidang teknologi maklumat dengan anggaran 125 juta orang di seluruh dunia menggunakan Internet pada 1999 dan 70 juta pengguna memerlukan perisiannya merupakan industri besar yang perlu direbut peluangnya oleh syarikat-syarikat di negeri ini.

Mengenai Buku Perangkaan Negeri yang menyediakan pelbagai bentuk statistik termasuk mengenai industri, kependudukan, perumahan, pertanian dan sosio-ekonomi, Muhammad berkata Selangor merupakan satu-satunya negeri yang mengeluarkan buku serupa itu sejak tiga tahun lepas.

Beliau berkata Kerajaan Negeri berhasrat memastikan setiap rakyat Selangor bukan saja bermaklumat tetapi juga menguasai teknologi maklumat supaya berupaya bersaing dengan dunia di tahap yang terbaik. -- BERNAMA

MNY NMO

